



Cabaran dan Potensi Pengintegrasian Literasi Digital dalam Pembelajaran Bahasa Melayu

Challenges and Potential of Integrating Digital Literacy in Malay Language Learning

Linawati Socradji*

SMK Penrissen, KM20 Jalan Kuching-Serian, 93250 Kuching, Sarawak, Malaysia

*Corresponding author: linasoraji@gmail.com

DOI: <https://doi.org/c> DOI: <https://doi.org/10.37134/pambm.vol13.2.2025>

Abstract

This study aims to identify the challenges in the process of integrating digital literacy and to explore the potential use of digital technology in the learning of Bahasa Melayu at a rural secondary school. Using a mixed-method approach that involves both qualitative and quantitative data. The methods employed include interviews, observations, and statistical analysis. The challenges faced in integrating digital literacy into the learning of Bahasa Melayu in rural secondary schools include the availability of equipment and access to technology, time management during teaching and learning, and the digital gap among students. The potential of using digital technology in the learning of Bahasa Melayu in rural secondary schools includes improving language proficiency, enhancing creativity and innovation, and promoting self-directed and collaborative learning. The integration of digital literacy into the learning of Bahasa Melayu can enhance students' academic performance, motivate and prepare them for the future, improve their digital skills, and empower teachers in the use of digital technology. These findings are highly relevant and make a significant contribution to the field of education, particularly in realizing the Digital Education Policy. This effort aims to advance education towards achieving SDG 4 by ensuring the provision of quality and equitable education while reducing the educational gap between urban and rural areas.

Keywords: *collaborative learning, digital content, digital gap, self-directed learning, technology access*

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti cabaran dalam proses mengintegrasikan literasi digital dan meneroka potensi penggunaan teknologi digital dalam pembelajaran Bahasa Melayu di salah sebuah sekolah menengah luar bandar. Kajian ini menggunakan pendekatan kajian gabungan iaitu melibatkan data kualitatif dan kuantitatif. Kaedah yang digunakan termasuklah temu bual, pemerhatian, dan analisis statistik. Cabaran yang dihadapi dalam proses mengintegrasikan literasi digital dalam pembelajaran Bahasa Melayu di sekolah menengah luar bandar ialah kemudahan peralatan dan akses teknologi; pengurusan masa semasa pengajaran dan pembelajaran serta jurang digital antara murid. Potensi penggunaan teknologi digital dalam pembelajaran Bahasa Melayu di sekolah menengah luar bandar antaranya ialah peningkatan penguasaan Bahasa Melayu; peningkatan kreativiti dan inovasi serta pengamalan pembelajaran sendiri dan kolaboratif. Pengintegrasian literasi digital dalam pembelajaran Bahasa Melayu dapat meningkatkan prestasi akademik murid, memotivasikan dan mempersiapkan murid untuk masa depan, meningkatkan kemahiran digital, dan memperkasa guru dalam penggunaan teknologi digital. Penemuan ini sangat relevan dan memberikan sumbangan yang signifikan dalam bidang pendidikan, khususnya dalam merealisasikan Dasar Pendidikan Digital. Usaha ini berupaya memajukan pendidikan ke arah pencapaian SDG 4, dengan memastikan penyediaan pendidikan yang berkualiti dan saksama serta mengurangkan jurang pendidikan antara kawasan bandar dan luar bandar.

Kata Kunci: akses teknologi, jurang digital, kandungan digital, pembelajaran sendiri, pembelajaran kolaboratif



Pengenalan

Pengintegrasian literasi digital dalam pembelajaran Bahasa Melayu memberi peluang untuk meningkatkan pengalaman pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) murid, terutama di sekolah menengah luar bandar. Literasi digital meningkatkan keupayaan murid dalam menggunakan teknologi dan alat digital untuk mengakses, mengurus, mengintegrasikan, menilai, dan mencipta maklumat dengan cekap dan beretika. Usaha mengintegrasikan literasi digital semakin diperhebat selepas pelancaran Dasar Pendidikan Digital pada 2023 [1]. Walau bagaimanapun, sekolah-sekolah menengah di luar bandar sering menghadapi cabaran dalam mengaplikasikan teknologi digital dalam PdPc.

Kekurangan infrastruktur dan akses kepada teknologi serta Internet merupakan halangan utama dalam pengintegrasian literasi digital di sekolah menengah luar bandar. Jurang digital antara murid luar bandar dan bandar menyebabkan kesukaran mengakses teknologi dan bahan pengajaran untuk PdPc. Walaupun usaha kerajaan untuk meningkatkan kualiti pendidikan telah dilakukan, namun murid di sekolah menengah luar bandar masih ketinggalan disebabkan kemudahan yang terhad, jurang pendidikan yang besar, pencapaian akademik yang rendah, serta kekurangan bantuan pengajaran dan kemudahan teknologi maklumat komunikasi (TMK) [2]. Dapatan kajian lepas menunjukkan murid luar bandar menghadapi kesukaran disebabkan kekurangan kemudahan dan pakar [3].

Kajian lain melaporkan bahawa tahap kesediaan murid yang rendah terhadap pendidikan digital, disebabkan oleh kekurangan infrastruktur, kemahiran aplikasi komputer yang terhad, dan keterbatasan akses Internet [4]. Kekurangan kemudahan fizikal dan bantuan pengajaran yang tidak mencukupi boleh menyebabkan kegagalan mencapai objektif pembelajaran, sehingga semangat guru untuk mengintegrasikan literasi digital semakin pudar. Dalam masa yang sama, terdapat kajian yang menunjukkan keberkesanan penggunaan teknologi digital dalam pembelajaran bahasa. Antaranya, murid melaporkan pengalaman menggunakan peranti dan video sebagai medium pembelajaran mereka [5], memberi impak positif terhadap pembelajaran sendiri.

Hal ini dikatakan demikian kerana, integrasi literasi digital memudahkan akses kepada sumber pembelajaran dan memperkaya pengalaman belajar. Kajian lain turut menyatakan bahawa pembelajaran digital dalam subjek bahasa memberi kesan positif terhadap pencapaian murid dalam Bahasa Inggeris [6]. Perkara ini menekankan kepentingan literasi digital untuk menyokong pembelajaran bahasa. Dalam masa yang sama, peranan guru juga penting. Ada kajian yang menunjukkan bahawa majoriti guru melaporkan kesan positif dari Siri Pendidik Digital dan ingin memperdalam pengetahuan dalam pengajaran dalam talian [7]. Dapatan-dapatan ini menekankan perlunya sokongan berterusan kepada guru untuk pengintegrasian literasi digital yang efektif. Usaha Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk memperbaiki infrastruktur digital sangat penting bagi memastikan kejayaan pendidikan digital dinikmati oleh semua murid.

Pembelajaran Bahasa Melayu memerlukan pendekatan kreatif dan inovatif untuk memastikan PdPc menarik minat murid. Penggunaan teknologi digital tidak hanya meningkatkan motivasi, tetapi juga membantu murid menguasai kemahiran abad ke-21 seperti pemikiran kritis, kolaboratif, dan komunikasi. Dengan pelaksanaan ini, objektif Dasar Pendidikan Digital untuk membangunkan murid yang fasih digital dan mengupayakan pendidik dalam mengintegrasikan teknologi dalam pendidikan dapat direalisasikan [1]. Penggunaan peranti dan sumber digital di sekolah menengah luar bandar bukan sahaja meningkatkan kemahiran bahasa, tetapi juga memperkaya pengalaman pembelajaran ke arah pencapaian SDG 4. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk menjawab persoalan-persoalan berikut;

1. Apakah cabaran yang dihadapi dalam proses mengintegrasikan literasi digital dalam pembelajaran Bahasa Melayu di sekolah menengah luar bandar?
2. Apakah potensi penggunaan teknologi digital dalam pembelajaran Bahasa Melayu di sekolah menengah luar bandar?



Metodologi

Pengkaji menggunakan reka bentuk kajian gabungan untuk mengkaji cabaran dan potensi pengintegrasian literasi digital dalam pembelajaran Bahasa Melayu di sekolah menengah luar bandar. Kajian ini mempunyai beberapa batasan, termasuk sampel terhad kepada murid tingkatan 5 di sebuah sekolah dan tempoh kajian yang singkat. Faktor seperti perbezaan akses teknologi, pencapaian akademik, dan variasi kaedah pengajaran juga mempengaruhi hasil kajian. Oleh itu, kajian lanjut yang lebih komprehensif disarankan untuk mendapatkan gambaran yang lebih lengkap. Berikut ialah proses kajian dilakukan.

Fasa 1: Pengumpulan Data

Pengkaji menjalankan temu bual separa berstruktur dengan murid untuk mendapatkan pandangan mereka mengenai literasi digital dalam pembelajaran Bahasa Melayu. Soalan temu bual merangkumi aspek seperti akses teknologi, penggunaan dalam pembelajaran, cabaran yang dihadapi, serta cadangan penambahbaikan. Selain itu, pengkaji turut melaksanakan pemerhatian semasa kelas Bahasa Melayu bagi mengenal pasti amalan pengajaran dan pembelajaran yang berkaitan dengan literasi digital. Pemerhatian ini membolehkan pengkaji melihat secara langsung interaksi murid dengan teknologi dan kaedah pengajaran yang digunakan.

Fasa 2: Analisis Data

Data yang dikumpulkan dianalisis secara induktif melalui penyusunan, pengekodan awal, dan interpretasi untuk memperoleh gambaran mengenai pengintegrasian literasi digital dalam PdPc Bahasa Melayu. Pengekodan dilakukan untuk mengenal pasti isu utama seperti cabaran teknologi, potensi penggunaan literasi digital, serta cadangan penambahbaikan dalam pengajaran. Semua data dari temu bual, pemerhatian, dan analisis ujian disusun untuk analisis lanjut. Keputusan ujian SPM murid, termasuk Ujian 1, Ujian 2, dan Ujian 3, dianalisis dengan membandingkan gred sebelum dan selepas pengintegrasian literasi digital.

Fasa 3: Pelaporan

Hasil kajian dilaporkan dengan memberikan pandangan yang bermakna mengenai cabaran dan potensi pengintegrasian literasi digital dalam pembelajaran Bahasa Melayu di sekolah menengah luar bandar. Laporan ini bertujuan untuk menyumbang kepada usaha meningkatkan kualiti pendidikan di sekolah menengah luar bandar serta memberikan cadangan bagi kajian lanjut.

Dapatan

Bagi membincangkan dapatan kajian, dua soalan yang berikut akan dijawab. Soalan yang pertama ialah, apakah cabaran yang dihadapi untuk mengintegrasikan literasi digital dalam pembelajaran Bahasa Melayu di sekolah menengah luar bandar? Manakala soalan yang kedua ialah, apakah potensi penggunaan teknologi digital dalam pembelajaran Bahasa Melayu di sekolah menengah luar bandar?

i) Cabaran mengintegrasikan literasi digital dalam pembelajaran Bahasa Melayu

Pengkaji mendapati cabaran utama dalam pengintegrasian literasi digital dalam pembelajaran Bahasa Melayu di sekolah luar bandar berkaitan dengan kemudahan peralatan dan akses teknologi. Sekolah sering kekurangan komputer atau tablet, dan peranti yang ada kebanyakannya uzur atau rosak, mengganggu kelancaran pembelajaran. Selain itu, kekurangan perisian interaktif Bahasa Melayu mengurangkan keberkesanan penggunaan teknologi dalam PdPc. Masalah capaian Internet yang



perlahan dan tidak stabil turut menyukarkan proses pembelajaran digital. Walaupun kebanyakan murid mempunyai sambungan Internet dan peranti di rumah, kekurangan alat berkualiti dan perisian yang sesuai, serta ketidakseimbangan kualiti sambungan, masih menjadi penghalang. Sambungan yang tidak stabil menyukarkan akses kepada bahan pembelajaran, menyebabkan murid ketinggalan dan kurang berminat menggunakan teknologi digital, yang berpotensi menjejaskan prestasi akademik mereka. Jelaslah bahawa cabaran ini perlu diatasi untuk memastikan integrasi literasi digital dapat dilaksanakan dengan efektif dalam pembelajaran Bahasa Melayu.

Seterusnya, cabaran pengintegrasian literasi digital dalam pembelajaran Bahasa Melayu di sekolah menengah luar bandar turut melibatkan aspek pengurusan masa dalam pengajaran dan pembelajaran. Guru terpaksa memperuntukkan masa tambahan untuk menyediakan dan mengakses peralatan digital sebelum sesi pembelajaran, kerana penggunaan peranti dan perisian digital memerlukan perancangan dan penyediaan bahan pengajaran yang lebih teliti. Infrastruktur yang kurang lengkap sering menyebabkan sesi pengajaran terganggu, memaksa perubahan atau penangguhan kelas. Selain itu, masa tambahan diperlukan untuk mempelajari penggunaan alat digital dan mengatasi masalah teknikal, yang memperlambatkan proses pembelajaran. Oleh itu, pengurusan masa yang bijak dan kreatif diperlukan untuk memastikan pengajaran berjalan lancar dan berkesan.

Di samping itu, jurang digital antara murid merupakan cabaran utama dalam pengintegrasian literasi digital dalam pembelajaran Bahasa Melayu. Murid yang kurang berkemampuan dari segi kewangan serta yang tiada peranti atau akses Internet di rumah sering tertinggal dalam pembelajaran. Perbezaan akses kepada teknologi ini memberi kesan terhadap tahap kemahiran literasi digital murid, memandangkan penggunaan peranti yang berbeza-beza. Semasa temu bual, kebanyakan murid menilai kemahiran literasi digital mereka sebagai baik. Ada juga murid yang menganggap kemahiran mereka sederhana atau lemah. Oleh itu, jurang digital yang wujud perlu dirapatkan dengan memberi perhatian khusus terhadap penyediaan peranti dan sambungan Internet yang lebih saksama, agar semua murid dapat mengakses peluang pembelajaran yang sama. Hal ini akan membolehkan mereka meningkatkan kemahiran literasi digital secara konsisten, seterusnya memperbaiki penguasaan Bahasa Melayu melalui teknologi digital.

ii) Potensi penggunaan teknologi digital dalam pembelajaran Bahasa Melayu

Integrasi teknologi digital dalam pembelajaran Bahasa Melayu di sekolah menengah luar bandar dapat memberikan pelbagai peluang untuk meningkatkan penguasaan bahasa murid. Dengan akses kepada sumber pembelajaran yang lebih luas, interaksi dan strategi kolaboratif yang lebih kerap, serta penggunaan alat dan aplikasi yang berstruktur, murid dapat memperbaiki kemahiran bahasa mereka secara signifikan. Antara potensi pengintegrasian literasi digital dalam pembelajaran Bahasa Melayu termasuklah peningkatan gred subjek Bahasa Melayu seperti yang ditunjukkan dalam jadual berikut.



Jadual 1

Perbandingan gred ujian 1, ujian 2 dan ujian 3, perbandingan gred purata dan peratus peningkatan gred ujian 1 ke ujian 3 bagi sampel kajian.

Gred	Kekerapan (N=55)			Peratus Peningkatan U1 ke U3 (%)
	Ujian 1	Ujian 2	Ujian 3	
A+	0	0	2	0.0
A	0	4	6	0.0
A-	4	12	13	225
B+	4	8	4	0.0
B	8	1	5	-37.5
C+	5	2	8	60.0
C	5	1	8	60.0
D	4	2	5	25.0
E	4	8	3	-25.0
G	19	15	1	-94.7
TH	2	2	0	-100.0
Gred Purata	D (7.89)	C (6.85)	B (5.02)	36.41

Berdasarkan perbandingan gred dalam Ujian 1 (U1), Ujian 2 (U2), dan Ujian 3 (U3) yang diambil daripada keputusan SPM sebenar, prestasi murid dalam penguasaan Bahasa Melayu menunjukkan peningkatan ketara, terutamanya selepas pengintegrasian digital semasa PdPc. Semasa U3, bilangan murid yang mendapat gred tertinggi (A+ dan A) meningkat, manakala peningkatan terbesar adalah dalam gred A-, iaitu meningkat sebanyak 225% daripada 4 orang (U1) kepada 13 orang (U3). Selain itu, bilangan murid yang mendapat gred G menurun dengan signifikan, dari 19 orang (U1) kepada hanya 1 orang (U3), mencatatkan penurunan 94.7%. Secara keseluruhan, gred purata meningkat daripada D (U1) ke B (U3), dengan peningkatan gred purata sebanyak 36.41% yang menunjukkan peningkatan penguasaan Bahasa Melayu yang jelas dalam kalangan murid.

Penggunaan teknologi digital dalam pembelajaran Bahasa Melayu yang seterusnya ialah peningkatan kreativiti dan inovasi. Melalui pembelajaran berasaskan projek yang melibatkan alat digital seperti Google Workspace, Canva, dan Padlet, murid dapat menghasilkan inovasi yang bukan sahaja memperkayakan pembelajaran Bahasa Melayu tetapi juga terbukti apabila 43.6% daripada sampel kajian, berjaya memenangi beberapa anugerah dalam pertandingan inovasi peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Hal ini disebabkan oleh penggunaan alat digital yang membolehkan murid berkongsi idea secara kreatif, menggunakan perisian seperti Canva dan iMovie untuk menghasilkan bahan pembelajaran interaktif, dan memanfaatkan platform seperti YouTube dan TikTok untuk mempamerkan karya mereka. Murid juga dapat meneroka teknologi terkini seperti kecerdasan buatan (AI) melalui aplikasi seperti ChatGPT, CoPilot dan Gemini, yang membantu mereka dalam penulisan dan penyuntingan esei, sekali gus meningkatkan kualiti penulisan dan kreativiti.

Pengintegrasian literasi digital dalam pembelajaran Bahasa Melayu menawarkan peluang besar untuk meningkatkan keberkesanan pembelajaran melalui pendekatan sendiri dan kolaboratif. Dalam pembelajaran sendiri, murid dapat mengakses pelbagai sumber digital seperti e-buku, artikel, video pembelajaran, dan permainan bahasa untuk memahami serta mendalami topik bahasa dengan lebih fleksibel dan mengikut kadar mereka sendiri. Contoh visual dan video ringkas menjadikan pembelajaran lebih santai dan mudah diakses, sementara permainan bahasa seperti teka-teki dan kuiz tatabahasa menjadikan proses pembelajaran lebih menarik dan interaktif. Selain itu, murid dapat mengawal tempo pembelajaran mereka, mengulang kaji atau meneroka topik yang diminati pada bila-bila masa, yang membantu mereka menguasai Bahasa Melayu dengan lebih efektif. Dalam



pembelajaran kolaboratif pula, alat digital seperti Google Classroom, Google Meet, Padlet, dan Jamboard memudahkan interaksi serta kerjasama antara murid dan guru. Murid dapat berbincang, berkongsi sumber, dan menyelesaikan tugas secara bersama, serta mendapat maklum balas segera daripada guru untuk memperbaiki prestasi. Melalui projek berkumpulan, mereka mempraktikkan kemahiran berkomunikasi, bekerjasama dalam menghasilkan laporan atau projek kreatif, dan memanfaatkan teknologi untuk memperkayakan pengalaman pembelajaran, sekali gus meningkatkan kreativiti serta kemahiran berfikir kritikal dan berkomunikasi yang penting dalam dunia moden.

Perbincangan dan Kesimpulan

Pengintegrasian literasi digital dalam pembelajaran Bahasa Melayu di sekolah menengah luar bandar menghadapi beberapa cabaran yang ketara. Antaranya ialah kekurangan peranti teknologi, dengan kebanyakan peralatan sedia ada sudah usang atau rosak, yang mengganggu kelancaran proses PdPc. Selain itu, capaian Internet yang lemah dan tidak stabil menyukarkan akses kepada bahan pembelajaran digital, seperti video dan platform interaktif, seterusnya mengurangkan motivasi murid. Pengurusan masa juga menjadi cabaran besar, iaitu guru perlu meluangkan masa tambahan untuk menyediakan bahan digital dan menyelesaikan isu teknikal, yang sekali gus mengurangkan masa pengajaran berkesan. Kajian menunjukkan bahawa perancangan masa yang cekap dan penggunaan yang efisien amat kritikal untuk kejayaan integrasi teknologi dalam pendidikan [8]. Jurang digital juga memberi kesan besar terhadap kesaksamaan dalam pembelajaran, kerana murid yang kurang berkemampuan sering tertinggal akibat kekurangan akses kepada peranti dan Internet di rumah, seperti yang disokong oleh dapatan kajian [2]. Oleh itu, usaha yang lebih komprehensif diperlukan untuk memperbaiki infrastruktur teknologi dan memastikan akses sama rata bagi semua murid.

Walaupun menghadapi pelbagai cabaran, penggunaan teknologi digital dalam pembelajaran Bahasa Melayu terbukti berpotensi meningkatkan penguasaan bahasa murid. Kajian menunjukkan peningkatan prestasi sebanyak 36.41% dari Ujian 1 ke Ujian 3, mengesahkan keberkesanan integrasi literasi digital dalam meningkatkan pencapaian akademik. Penggunaan pendekatan seperti gamifikasi dan penceritaan digital bukan sahaja meningkatkan minat danelibatan murid, tetapi juga memperbaiki kemahiran analisis mereka [9, 10]. Melalui pendekatan pembelajaran berasaskan projek, murid diberi ruang untuk meneroka kreativiti mereka dengan menghasilkan projek inovatif yang mendapat pengiktirafan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Perkara ini membuktikan bahawa alat digital ialah pemangkin kreativiti murid. Pembelajaran sendiri dan kolaboratif juga diperkukuh melalui platform seperti Google Workspace, yang memudahkan pertukaran idea dan maklum balas antara murid dan guru. Kajian menunjukkan penggunaan TMK dalam pembelajaran kolaboratif dapat meningkatkan kemahiran literasi dan motivasi murid [11]. Sementara itu, kajian lain mengesahkan bahawa integrasi TMK yang berkesan dapat meningkatkan proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu [12].

Implikasi pengintegrasian literasi digital dalam pembelajaran Bahasa Melayu di sekolah menengah luar bandar memberi kesan positif. Antaranya ialah peningkatan prestasi akademik, motivasi murid, dan persiapan untuk menghadapi dunia digital. Penggunaan teknologi seperti aplikasi pendidikan dan multimedia menjadikan PdPc lebih interaktif, sekali gus meningkatkan kemahiran digital murid. Bagi memastikan kejayaan berterusan, guru memerlukan sokongan dan latihan dalam penggunaan teknologi, serta kurikulum yang disesuaikan dengan keperluan era digital, supaya murid dapat bersedia untuk menghadapi tuntutan pekerjaan masa depan yang berasaskan teknologi digital.

Kesimpulannya, pengintegrasian literasi digital dalam pembelajaran Bahasa Melayu di sekolah menengah luar bandar memberikan manfaat besar dengan memperkaya pengalaman pembelajaran, menyediakan akses kepada sumber-sumber pembelajaran berkualiti, dan membantu murid memperoleh kemahiran digital penting, seperti mencari maklumat dan menggunakan alat digital untuk



berkomunikasi. Hal ini mempersiapkan murid untuk menghadapi cabaran dunia digital dan menjadikan mereka warga digital yang berdaya saing. Pengintegrasian ini selaras dengan matlamat SDG 4, yang bertujuan untuk memastikan pendidikan berkualiti dan saksama serta meningkatkan peluang pembelajaran sepanjang hayat untuk semua. Untuk melaksanakannya dengan berkesan, adalah penting untuk menyediakan latihan dan sokongan teknikal kepada guru, memastikan kandungan digital berkualiti dan relevan dengan kurikulum Bahasa Melayu, serta memaksimumkan penggunaan teknologi dalam penilaian formatif. Dengan pelaksanaan cadangan-cadangan ini, pengintegrasian literasi digital berupaya ditingkatkan, seterusnya memberikan manfaat yang signifikan bagi murid di kawasan luar bandar, menyokong pencapaian SDG 4 dan merealisasikan Dasar Pendidikan Digital.

Penyataan Etika

Kajian ini telah dijalankan mengikut Deklarasi Helsinki. Subjek kajian secara sukarela memberikan persetujuan dan telah diberikan penjelasan lengkap tentang kajian. Hak mereka untuk menarik diri dijamin dan kerahsiaan data mereka dipelihara.

Penyataan Kredit Penulis

Tidak berkenaan kerana pengkaji ialah penulis tunggal.

Penghargaan

Pengkaji mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah memberikan sumbangan dalam menjayakan kajian ini. Terima kasih kepada pihak pentadbir SMK Penrissen atas sokongan yang berterusan sepanjang proses penyelidikan. Penghargaan khas turut diberikan kepada semua responden kajian yang meluangkan masa dan memberikan kerjasama dalam kajian ini. Tanpa sumbangan dan komitmen mereka, kajian ini tidak akan dapat diselesaikan. Akhir sekali, pengkaji ingin mengucapkan terima kasih kepada keluarga tercinta dan rakan-rakan atas sokongan moral dan dorongan sepanjang tempoh penyelidikan ini. Penyelidikan ini tidak menerima sebarang geran khusus daripada agensi pembiayaan dalam sektor awam, komersial atau bukan untuk keuntungan.

Deklarasi Bebas Kepentingan

Penulis mengisytiharkan bahawa mereka tidak mempunyai kepentingan kewangan yang bersaing atau hubungan peribadi yang mempengaruhi kerja yang dilaporkan dalam kertas kerja ini.

Rujukan

- [1]Kementerian Pendidikan. (2023). *Dasar pendidikan digital*. Kementerian Pendidikan Malaysia. <https://www.moe.gov.my/storage/files/shares/Dasar/Dasar%20Pendidikan%20Digital/Dasar%20Pendidikan%20Digital.pdf>
- [2]Raman, K., Othman, N., & Affandi, H. M. (2019). Information communication and technology (ICT) usage gaps between urban and rural schools. *Malaysian Journal of Education*, 44(1S1), 109-119.
- [3]Hasin, I., & Nasir, M.K. (2021). The effectiveness of the use of information and communication technology (ICT) in rural secondary schools in Malaysia. *Journal of Education and e-Learning Research*. 8(1), 59-64.



- [4]Mad Nordin, A. S., Alias, B. S., & Mahamod, Z. (2021). Pendigitalan pendidikan. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan dan Teknologi Malaysia*, 1(1), 66-72.
- [5]Lai, Z.S.Z & Rosli, A.N. (2021). Keberkesanan penggunaan video pembelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan murid tahun 6 semasa pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR). *Journal of ICT in Education*, 8(3), 76-99. <https://doi.org/10.37134/jictie.vol8.sp.1.7.2021>
- [6]Wang, D., & Md. Khambari, M. N. (2020). The application of game-based AR learning model in English sentence learning. *Malaysian Online Journal of Educational Technology*, 8(1), 63-71. <https://doi.org/10.17220/mojet.2020.01.005>
- [7]Adi Badiozaman, I.F., Leong, H.J. & Wong, W. (2020), Embracing educational disruption: a case study in making the shift to a remote learning environment. *Journal of Applied Research in Higher Education*, 14(1), 1-15.
- [8]Hasin, I., Othman, R., Abdullah, N. S., Mohd Yusoff, K., & Ab Rahman, M. R. (2022). Isu dan cabaran pembelajaran digital dalam transformasi pendidikan negara pasca covid-19. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 15(2), 23-32.
- [9]Mat Husin, N. S. (2023). Minat pelajar sekolah menengah rendah terhadap penggunaan bahan pembelajaran gamifikasi dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 13(2), 89-108.
- [10]Alobaid, A. (2020). Smart multimedia learning of ICT: role and impact on language learners' writing fluency– YouTube online English learning resources as an example. *Smart Learning Environment*, 7(24), 1-30.
- [11]Agatep, J. L. E., & Maquio, J. A. S. (2022). Effects of information and communications technology (ICT) integration to literacy skills. *International Journal of Computer Engineering In Research Trends*, 9(2), 34-42.
- [12]Bakthaselman, L., Hussin, M. S. H., & Wong, S. Y. (2022). Pengintegrasian teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) dalam pendidikan bahasa Melayu: pandemik covid-19. *Jurnal Melayu Sedunia*, 5(1), 55-68.